

# Program Bossku cuba disabotaj

## **KUBANG PASU 23 April -**

Pimpinan parti politik dari kawasan Jerlun didakwa cuba mensabotaj program bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan menghadiri ceramah perpaduan ummah di tapak markas Pas Kampung Hutan Palas, Kodiang, Jumaat ini.

Difahamkan, pimpinan parti politik itu telah mengarahkan pihak tertentu membuang kain rentang mengenai kehadiran Najib atau popular dengan gelaran Bossku itu yang dipasang di sekitar kawasan Kubang Pasu di sini.

Bagaimanapun, tindakan itu dilihat tidak memberi sebarang kesan kerana semua orang khususnya penduduk negeri ini sudah sedia maklum mengenai program tersebut yang turut diuar-uarkan di media sosial.

Perkara itu, dijelaskan dalam status Facebook milik Pendakwah terkenal, Ustaz Ahmad Husam Baderudin hari ini yang melahirkan rasa kesal dengan tindakan tidak bertanggungjawab itu.

"Sekarang sudah bermula sabotaj untuk program ini... Arahan dari pimpinan politik di Jerlun kepada pihak

tertentu agar segala *banner* (kain rentang) yang dipasang supaya dibuang. Mereka sangat takut dengan program ini.

"Depa (mereka) boleh cantas *banner*, tetapi tidak boleh sekat maklumat ini (program) daripada diviralkan (ditularkan). Ana (saya) menyeru kepada semua rakan agar viralkan maklumat ini.

"Semalam ana dah bercakap dengan Bossku (Najib) dan maklumkan perkara ini. Jawapan Bossku: "Ustaz, jangan *down* (patah) semangat, ini adalah cabaran kepada kita," katanya seperti dipetik status Facebook tersebut.

Sementara itu, Ahmad Husam ketika dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, dalam suasana Malaysia baharu ini yang kononnya membawa pendekatan politik secara demokrasi, tindakan seperti itu tidak sepatutnya berlaku.

"Tidak perlu takut, amalkan politik secara matang. Mereka kerajaan ada pendekatan menyampaikan maklumat, kita pun ada cara tersendiri menyampaikan maklumat kepada rakyat menerusi ceramah atau sebagainya," katanya.